



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

***ASOSAI WORKING GROUP ON STATE-OWNED
ENTERPRISES AUDIT (WGSOEA) KNOWLEDGE SHARING
WEBINAR 2025 DENGAN KERJASAMA ASEANSAI
KNOWLEDGE SHARING COMMITTEE (KSC)***

UNTUK SIARAN SEGERA

PUTRAJAYA, 19 November 2025 - Susulan kejayaan *Inaugural Meeting of the ASOSAI Working Group on State-Owned Enterprises Audit (WGSOEA)* yang telah berlangsung dari 26 hingga 28 Mei 2025 di Putrajaya, Jabatan Audit Negara Malaysia (JAN) meneruskan langkah proaktif dalam memperkasa pengauditan sektor awam serantau melalui program *Knowledge Sharing Webinar 2025* anjuran **ASOSAI WGSOEA** dengan kerjasama **ASEANSAI Knowledge Sharing Committee (KSC)**.

Penganjuran webinar ini bertujuan untuk mengukuhkan jaringan profesional, memupuk perkongsian pengalaman dan kepakaran antara SAI di seluruh Asia bagi memantapkan metodologi pengauditan SOE.

Perasmian webinar ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara Malaysia yang juga merupakan Pengerusi kepada kedua-dua ASOSAI WGSOEA dan ASEANSAI KSC. Webinar ini telah berjaya menarik **penyertaan seramai lebih 250 peserta di kalangan ahli ASOSAI WGSOEA dan ASEANSAI KSC** terdiri daripada negara di rantau Asia seperti Azerbaijan, China, India, Jepun dan Oman.

ASOSAI WGSOEA, yang dianggotai oleh **32 Institusi Audit Tertinggi (SAI)** memfokus kepada pengauditan terhadap SOE bagi memperkukuh amalan terbaik tatakelola syarikat Kerajaan, akauntabiliti, ketelusan penyampaian perkhidmatan dan pembangunan ekonomi yang mampan.

Memacu Kecemerlangan Audit SOE di Asia

Antara intipati webinar ini ialah:

- Perbincangan mengenai penyediaan Garis Panduan Audit SOE yang akan dibangunkan oleh ASOSAI WGSOEAE;
- Perkongsian daripada pihak *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) mengenai amalan terbaik *Guidelines on Corporate Governance of State-Owned Enterprises* yang diguna pakai; dan
- Perkongsian pelaksanaan pengauditan SOE oleh empat SAI dari Vietnam, Maldives, Brunei dan Pakistan.

Hasil perkongsian webinar ini dijadikan sebagai rujukan dalam pembangunan Garis Panduan Audit SOE yang akan dibentangkan dalam **Mesyuarat Kedua ASOSAI WGSOEAE**. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh **Ketua Audit Negara Malaysia** pada bulan Mac 2026 di Nanjing, China.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Audit Negara
#120TahunJAN

